

06/09/1997

Larangan pinjam skrip diteruskan

KUALA LUMPUR, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menjelaskan, larangan terhadap bank dan syarikat broker meminjamkan skrip sebagai jaminan untuk urus saham masih berkuatkuasa sebagai langkah kawalan terhadap kegiatan jualan singkat.

Menurut Perdana Menteri, langkah menarik balik peraturan membendung manipulasi yang diumumkan malam tadi, hanya meliputi label saham bertanda terhadap 100 kaunter saham yang membentuk Indeks Komposit (CI) bagi memastikan pemain pasaran yang memiliki skrip saja menjual saham mereka.

Memberitahu sidang akhbar selepas Perhimpunan Agung Umno ditangguhkan petang ini, Dr Mahathir berkata, urus niaga saham di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) boleh berjalan seperti biasa tanpa kegiatan jualan singkat dan manipulasi.

"Matlamat kerajaan menguatkuasakan label saham bertanda iaitu untuk membendung kegiatan manipulasi pasaran sudah tercapai. Perniagaan biasa tanpa jualan singkat dan manipulasi itu kita benarkan.

"Bagaimanapun, kita masih tidak membenarkan skrip dipinjam dari bank untuk urus niaga di pasaran atau mendapatkan jaminan bank dan kemudian membeli atau menjual saham," katanya.

Larangan membabitkan saham bertanda yang diumumkan pada 27 Ogos lalu dan berkuatkuasa keesokannya itu mensyaratkan skrip mesti didepositkan dalam akaun Sistem Depositori Berpusat (CDS) mengikut sistem T+2.

Penarikan balik larangan itu dilihat sebagai faktor utama pasaran saham hari ini kembali melonjak dengan CI ditutup 90.50 mata kepada 821.5 lebih tinggi daripada penutup semalam.

Dr Mahathir tidak menolak kemungkinan kecergasan pasaran hari ini turut didorong oleh kesan positif hasil pertemuan Penasihat Ekonomi kepada Perdana Menteri, Tun Daim Zainuddin dengan pengurus dana asing pagi tadi.

Pagi ini, Daim menemui beberapa pengurus dana asing bagi menjelaskan langkah terbaru kerajaan bagi menangani kejatuhan nilai ringgit dan pasaran saham.

Mengenai sama ada dana RM60 bilion yang diperuntukkan untuk mempertahankan pasaran masih diperlukan memandangkan pasaran menunjukkan tanda untuk pulih, Dr Mahathir berkata, dana itu adalah sebagai persediaan dan tidak semestinya dibelanjakan.

Sekiranya pasaran saham tempatan kembali pulih tanpa memerlukan dana luar untuk menyokong, dana itu tidak akan digunakan.

Sambil menolak dakwaan penganalisis asing bahawa campur tangan kerajaan dalam pasaran kewangan dan pasaran saham adalah tindakan berisiko tinggi, beliau berkata, setakat ini tidak ada masalah yang timbul dari tindakan berkenaan.

Mengenai tindakan Ekran menamatkan kontrak Asia Brown Boveri (ABB), Perdana Menteri berkata, kerajaan memberi kebenaran kepada syarikat itu untuk mengambil tindakan yang difikirkan wajar.

(END)